

Tatabahasa

Analisis kesalahan kata dan frasa yang bergaris dalam petikan. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut. **SP 5.6.1**

Peluang dalam Industri Perhotelan di Malaysia

• Peningkatan Pelancongan Domestik

Kenaikan kos melancong ke luar negara telah membuka jalan kepada para-para pengusaha hotel untuk menarik pelancong domestik menginap di hotel mereka dengan menawarkan berbagai pakej yang menarik dan pengalaman yang unik.

• Peningkatan Pelancongan Halal

Berdasarkan kepada kajian pihak terbabit, permintaan terhadap kemudahan pelancongan yang mematuhi prinsip halal semakin meningkat. Situasi ini membolehkan pengusaha hotel untuk mengembangkan kepada pasaran mereka dengan menawarkan khidmat yang sesuai.

• Pembangunan Pelancongan di Kawasan Baharu

Pembangunan pelancongan di banyak kawasan-kawasan baharu seperti di Sabah dan di Sarawak telah memberikan peluang pada pengusaha hotel untuk memperluaskan perniagaan mereka ke kawasan-kawasan lain.

Kesalahan	Pembetulan
1 para-para pengusaha	
2 berbagai pakej	
3 Berdasarkan kepada kajian	
4 mengembangkan kepada pasaran	
5 khidmat	
6 banyak kawasan-kawasan	
7 pada	
8 memperluaskan	



Nota Tatabahasa

- Kata bilangan tak tentu seperti 'para', 'segala', dan 'semua' tidak boleh diulang.
- Kata bilangan tak tentu 'berbagai-bagai' tidak boleh disingkatkan menjadi 'berbagai'.
- Sesuatu kata nama tidak perlu diulang apabila kata bilangan yang mendahuluinya sudah menunjukkan maksud jamak atau banyak.
- Kata sendi nama 'pada' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia.
- Objek dalam kata kerja transitif mesti diletakkan selepas kata kerja.
- Kata kerja transitif dalam frasa kerja yang mempunyai imbuhan beR-...-kan tidak perlu disertai oleh frasa sendi nama.

Salah	Betul
para peniaga-peniaga	para peniaga
berbagai langkah	berbagai-bagai langkah
banyak pembeli-pembeli	banyak pembeli
membincangkan tentang masalah	membincangkan masalah
berdasarkan pada cadangan	berdasarkan cadangan
memperlebar	memperlebar
pada peniaga	kepada peniaga